

Air naik mendadak, bot bomba dan polis bantu calon SPM pergi ke sekolah

Penduduk Limbang, Jerantut panik

LIMBANG - Hujan berterusan sejak kelmarin hingga semalam menyebabkan penduduk di beberapa kampung di Trusan dan Sundar di Lawas, Limbang panik selepas kawasan mereka dinaiki air.

Setakat pukul 8 malam semalam, 48 mangsa banjir dipindahkan ke Dewan Masyarakat Lawas di sini.

Menurut statistik polis Lawas, antara kawasan terjejas banjir di Trusan ialah Kampung Seberang Kedai, Kampung Tengah, Kampung Gelapas dan Kedai lama Trusan.

Di Sundar pula ialah Kampung Sebelah Sundar, Kampung Baru, SK Luagan, Kampung Bingkiai, Kampung Sinampuan dan Balai Polis Sundar.

Sebanyak 34 orang daripada 10 keluarga dari Kampung Gelapas adalah antara mangsa banjir terawal dipindahkan ke pusat pemindahan.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Limbang, Suboh Posa berkata, mereka dipindahkan ke pusat pemindahan kerana air daripada kawasan hulu telah mula menaiki kawasan kampung tersebut.

Sementara itu, Penolong Pegawai Tadbir Daerah Lawas Siti Rohana Tuah berkata, dua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terpaksa meminta bantuan bomba untuk dihantar ke sekolah bagi menduduki peperiksaan.

Dalam pada itu, di **Pahang**,



ANTARA rumah yang dinaiki air secara mendadak di Kampung Gelapas, Trusan, Lawas selepas hujan berterusan selama dua hari sejak kelmarin.

selepas Raub, penduduk daerah Jerantut pula kalut apabila hujan berterusan selama beberapa jam menyebabkan 2,000 penduduk Felda Tersang 1, Felda Tersang 2 dan Tersang 3 dekat sini terjejas.

Beberapa jalan masuk ke Felda Tersang juga tidak dapat dilalui.

Lebih membimbangkan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Felda Tersang turut dinaiki air.

Pun begitu, perjalanan pemeriksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak terganggu selepas pihak bomba membantu membersihkan kawasan banjir di sekolah berkenaan.

Penduduk Felda Tersang 3, Sabri Othman, 56, berkata, dia sangat terkejut kerana sejak 30 tahun lalu, kawasan itu tidak pernah

ditimpa musibah banjir.

"Ia terjadi mungkin berpunca daripada sistem perparitan dan sampah sarap yang tersumbat," katanya.

Sementara itu, di **Kuala Lipis**, Kampung Beletik di Jelai dekat sini antara kawasan pertama dinaiki air hingga memaksa sebuah keluarga menumpang rumah saudara mereka.

Ketua Polis Daerah Kuala Lipis, Superintendan Abdul Razak Hassan, berkata, seorang calon SPM di kampung itu terpaksa dibawa menaiki bot polis ke sekolah berhampiran.

Sementara itu, di **Perak**, mangsa banjir yang berada di lima pusat pemindahan di negeri itu masih kekal seramai 311 orang daripada 82 keluarga sehingga



SEPASANG suami isteri bertungkus-lumus memindahkan ahli keluarga selepas rumah mereka dinaiki air di Felda Tersang 3, Jerantut semalam.



DUA anggota tentera membantu seorang remaja kurang upaya, Mohd. Faizul Abd. Wahab, 17, menaiki bot ke pusat pemindahan di Bagan Serai semalam.

pukul 8 malam semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak, Yahya Madif berkata, daripada jumlah itu, seramai 83 daripada 22 keluarga

mangsa banjir dari Kampung Padang Serai dan Pengkalan Bharu di Pantai Remis masih ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat Kampung Padang Serai.